

13/02/1997

Elak melabur dalam projek sensitif

DATUK Joseph Chong Chek Ah, yang mengetuai syarikat kumpulan Westmont Group, yang mempunyai pelaburan besar di Filipina, semalam menasihatkan pelabur Malaysia agar bersikap berhati-hati yang berpilih-pilih ketika melabur di negara asing.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, beliau selaku pengarah urusan menyatakan ahli perniagaan Malaysia yang melabur di Filipina perlu bersikap berhati-hati dan harus mengelakkan diri daripada melabur dalam projek yang sensitif dan mempunyai kesan sejarah sesebuah negara.

Beliau yang bersetuju dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyatakan pelabur Malaysia perlu mengelakkan daripada dikenali sebagai 'tamak', berkata berbezaan budaya, perasaan, sistem perundangan dan sistem parlimen perlu diambil kira dalam membuat sesuatu pelaburan.

Kebanggaan warisan dan nilai sejarah juga perlu diambil kira apabila melabur di negara asing, tambah Chong yang juga Anggota Parlimen Batu.

Kenyataan Chong dibuat berikutan keputusan Mahkamah Agung Filipina baru-baru ini menolak kejayaan tawaran yang dikemukakan konglomerat Renong Bhd untuk membeli ekuiti 51 peratus di dalam Manila Hotel milik negara.

Menurut Chong, nasihat Perdana Menteri bukan bermaksud untuk tidak menggalakkan pelabur Malaysia daripada melabur di luar negara tetapi bertujuan supaya lebih berhati-hati dalam memilih jenis pelaburan yang dibuat.

Bagaimanapun, beliau yakin kerajaan Filipina mengalu-alukan pelaburan asing. - Bernama

(END)